JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Accountant General's Department of Malaysia
NEGERI PAHANG
Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel : 09-591 5000
Faks : 09-516 4931
Laman Web : https://pahang.anm.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/2/15 Jld.2 (69)
Tarikh : 16 Mac 2026

SURAT PERINGATAN PERTAMA

Senarai Edaran
(Seperti di Lampiran A)

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI AKAUN DEPOSIT FEBRUARI 2026

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada para 10.1 Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit (**Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 1 tahun 2023),** PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan **Sijil Pengesahan Baki** dan mengemukakan kepada AO selewat-lewatnya pada **14 haribulan bulan berikutnya.**

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Akaun Deposit pada bulan Januari 2026 seperti di **Lampiran A**. Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaan Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit bagi jabatan-jabatan di bawah seliaan JANM Pahang pada **bulan Februari 2026.**

4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Deposit yang berstatus **TH (Tidak Hantar) dan K (Kuiri).** Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan Puan Noor Afizawati binti Zakaria di talian 09-5915026. Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(SITI ZAINAB BINTI ISMAIL C.A.(M), CPA(Aust))
Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang